

Bil. S 9

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Bab 83(3))

PERINTAH DARURAT
(TABUNG AMANAH PEKERJA) (PINDAAN), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran. 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Tabung Amanah Pekerja) (Pindaan), 1999.

Pindaan bab 38 dari S. 32/92. 2. Bab 38 dari Perintah Darurat (Tabung Amanah Pekerja), 1992 adalah dipinda –

(a) Dalam cerai (1), dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah pada penghujung perenggan (g) dan dengan menambah perenggan baru yang berikut sejurus selepasnya –

“(h) pada amnya untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.”;

(b) Dalam cerai (2), dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (b) –

“(ba) untuk mengadakan syarat bagi pendaftaran majikan-majikan dan pekerja-pekerja dengan Lembaga ;”;

(c) Dalam cerai (2), dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah pada penghujung perenggan (k) dan dengan menambah perenggan baru yang berikut sejurus selepasnya –

“(l) pada amnya untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.”.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 3 haribulan Februari, Tahun Masihi 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM